

20/12/1997

Masalah pengganti Ghapur selesai minggu depan

KOTA KINABALU, Jumaat - Masalah pengisian jawatan Timbalan Ketua Menteri Sabah yang dilepaskan Datuk Abdul Ghapur Salleh, Sabtu lalu dijangka dapat diselesaikan minggu depan.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Yong Teck Lee, berkata keadaan sekarang tidak begitu sesuai untuk membuat rombakan Kabinet termasuk mengisi jawatan Timbalan Ketua Menteri.

"Biarlah keadaan menjadi tenang, lagipun semua tugas yang membatikan Ghapur dilaksanakan oleh pembantu menteri (Datuk Karim Bujang) dan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Dr Mohd Fowzi Razi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Ucapan Akhir Tahun Yayasan Sabah, di Likas, hari ini.

Yong berkata, pertemuannya semalam dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah bagi memaklumkan perkembangan yang berlaku di negeri ini termasuk mengenai perletakan jawatan Ghapur.

"Beliau (Dr Mahathir) meminta setiap keputusan yang diambil oleh kerajaan negeri mestilah mengambil kira kepentingan penduduk Sabah," katanya.

Mengenai masalah yang dihadapi oleh pengeksport balak, Yong berkata beberapa perbincangan dengan mereka yang terbabit dalam industri berkenaan dijalankan bagi mencari strategi pemasaran bersama.

"Perbincangan dengan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yeik mengenai penyelarasan pasaran termasuk struktur levi yang menguntungkan semua pihak di Semenanjung, Sabah dan Sarawak," katanya.

Yong berkata, pengeluaran balak di negeri ini turut menghadapi kesukaran untuk mengeksport balak kerana harga tidak kompetitif.

"Balak kita bermutu tinggi tetapi sukar mendapat pasaran kerana kita baru saja manarik balik pengharaman balak bulat.

"Ia mengambil masa untuk mendapatkan semula pasaran, bagaimanapun dijangkakan dalam tempoh tiga bulan lagi, balak Sabah tidak menghadapi kesukaran lagi untuk dihantar ke pasaran antarabangsa," katanya.

(END)